

40 Sinar Harian • Selasa 3 Mei 2016

KUALA LANGAT / SEPANG

Pantai Morib **sesak**

Retromania Grand Gathering himpun 10,000 motosikal antik



Himpunan motosikal lama sempena Retromania Grand Gathering di Pantai Morib.

MORIB - Pantai Morib sesak apabila lebih 10,000 pemilik motosikal antik sekitar 70-an, 80-an dan 90-an berkumpul di situ sempena program Retromania Grand Gathering, sejak Sabtu lalu.

Pengunjung dari Ipoh, Perak, Mohd Hisham Raziq, 60, berkata, dia yang meminati motosikal antik sanggup datang ke Morib semata-mata untuk program itu.

Menurutnya, dia bersama anak lelakinya kebetulan mempunyai minat sama ke Kuala Langat untuk me-

rasai suasana perjumpaan besar-besaran itu.

"Tiga tahun lepas pakcik tak dapat datang sebab tak sihat, tapi kali ni bila anak ajak pakcik ikut terus.

"Lagipun pakcik datang sini nak cari peralatan alat ganti motosikal Honda Cup, mana tau ada yang murah-murah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pengusaha bengkel kenderaan, Hamdan Rosli, 36, berkata, dia ke Morib untuk melihat suasana perjumpaan motosikal retro terbesar.

Katanya, dia yang bertolak seawal jam 6 pagi dari Kuantan bersama isterinya tidak menyangka kebanyakan hotel dan inap desa sekitar Kuala Langat sudah penuh.

"Saya terpaksa tinggal di rumah saudara di Klang semata-mata nak datang sini, awal pagi kelmarin.

"Tapi tak sangka ramai sangat orang sampai tak boleh masuk dalam, kena parkir kereta jauh," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, penganjiuran yang mendapat sambutan menggalakkan itu sesuatu yang amat membanggakan.

"Perhimpunan besar itu memberi impak kepada ekonomi peniaga di kawasan sekitar sekali gus menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan untuk singgah ke Pantai Morib.

"Kita harap program ini terus mendapat sambutan di mana-mana lokasi diadakan selepas ini," katanya yang berkesempatan meluangkan masa beramah mesra dengan pengusaha peralatan motosikal di beberapa gerai jualan sempena program berkenaan.



Mohd Azhar (dua, kanan) sempat beramah mesra dengan peserta Retromania Grand Gathering di Dataran Pantai Morib.

Karnival tetap lancar walaupun 'disabotaj'

BANTING BARU - Karnival Tasik Taman Banting Baru yang berlangsung dari 29 April hingga 2 Mei semalam, tetap berjalan lancar walaupun kain rentang dan bunting mengenai penganjurannya hilang di beberapa kawasan.

Setiausaha Program, Abdul Razak Ramli berkata, segala persiapan dan promosi program anjuran Pusat Khidmat Peduli Rakyat Dun Morib, Persatuan Penduduk Taman Banting Baru dengan kerjasama MPP Zon 14; 16 dan 21 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) itu dilakukan sejak dua minggu lalu.

Bagaimanapun menurutnya, pihaknya kecewa apabila medium promosi yang dipasang di beberapa kawasan untuk mengajak komuniti menyertai program julung kali itu hilang.

"Kita kesal dengan kejadian ini memandangkan kehilangan medium promosi ini berlaku dalam tempoh singkat selepas ia dipasang.

"Karnival dirancang sekian lama dengan pengisiannya yang

sesuai untuk keperluan jasmani dan rohani ini seumpama tidak disenangi pihak tertentu... apa pun, kita bersyukur sebab program tetap lancar," katanya.

Sementara itu, Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, beliau kesal dengan kehilangan medium promosi karnival berkenaan.

"Memang kesal bila kain rentang dan bunting yang dipasang itu hilang, tapi kita terharu sebab karnival tetap lancar dengan penyertaan banyak pihak dalam mengaktifkan pelbagai aktiviti di sini.

"Bagi saya selagi ada program di sini, selagi itulah masyarakat perlu ambil peluang untuk sama-sama terlibat," katanya.

Menurutnya, pelbagai aktiviti perlu dilakukan di tasik berkenaan untuk memupuk semangat riadah dan santai komuniti di situ.

"Saya nak lihat masyarakat di sini aktif selain bekerjasama dalam setiap aktiviti," katanya yang turut membuat pelepasan ikan ke tasik berkenaan sempena pertandingan memancing dalam karnival berkenaan.



Hasnul melepaskan ikan sempena pertandingan memancing di Tasik Taman Banting Baru.



KLiK pilihan

CERGAS Sebanyak 24 pasukan wanita menyertai Kejohanan Boling anjuran Majlis Pembangunan Wanita Parlimen Kuala Langat. Hadir sama dalam program yang bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim itu, Pengerusinya, Rozana Kamarulzaman.